

Siasat segera punca **ikan mati**

Exco arah semua agensi bertanggungjawab cari segera punca ribuan ikan mati di Sungai Melaka

■ NORDIANA JOHARI

BANDARAYA MELAKA

— Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Datuk Ar Ismail Othman mengarahkan semua agensi bertanggungjawab melakukan siasatan segera susulan ribuan ikan yang ditemui mati di Sungai Melaka, kelmarin.

Menurutnya, langkah itu juga bagi mengatasi kejadian sama daripada berulang yang disifatkan tidak seharusnya berlaku sekiranya kejadian berpunca daripada kelalaian masyarakat.

“Berdasarkan bacaan kualiti air dan tahap oksigen yang dilakukan Jabatan Alam Sekitar mendapati kematian bukan berpunca daripada faktor ini.

“Kandungan oksigen ma-



Kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran bergotong-royong melakukan kerja pembersihan dengan mengeluarkan bangkai ikan di Sungai Melaka, semalam.

sih berada di kelas dua tidak memudaratkan ikan dan kita masih lagi mengenal pasti apa sebenarnya punca kematian,” katanya semasa meninjau ke-

adaan sungai berkenaan selepas mendapat aduan pelbagai pihak.

Katanya, beliau turut tidak menolak kemungkinan fak-

tor kematian adalah disebabkan ada pihak yang membuang sesuatu seperti sisa perindustrian.

Bagaimanapun, Ismail me-

nasihatkan masyarakat lebih peka dan tidak mengambil jalan mudah dengan membuang sampah atau bahan-bahan beracun ke dalam sungai.

Beliau berkata, kerajaan sudah membelanjakan jutaan ringgit bagi menjalankan projek pengindahan Sungai Melaka fasa kedua yang sedang berjalan untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke negeri ini.

“Kita tidak mahu sikap tidak bertanggungjawab masyarakat membuang bahan-bahan beracun sehingga menyebabkan hidupan laut mati akibat pencemaran sungai.

“Jutaan ringgit sudah dibelanjakan untuk menaik taraf keindahan sungai, tetapi pelancong tidak akan datang kerana berbau busuk,” katanya.